



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak menyertai sembahyang jenazah untuk Allahyarham Ghafar Baba di Kuala Lumpur, semalam.

Allahyarham Ghafar diberi penghormatan negara

KUALA LUMPUR 23 April - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Ghafar Baba selamat disemadikan sebagai seorang negarawan di Makam Pahlawan, Masjid Negara di sini hari ini.

Allahyarham merupakan pemimpin negara yang keempat disemadikan di kawasan kubah Makam Pahlawan tersebut yang turut menempatkan Perdana Menteri kedua dan ketiga, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn serta Timbalan Perdana Menteri kedua, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman.

Ghafar meninggal dunia di Pusat Perubatan Gleneagles Intan (GIMC) di sini, pada pukul 7.35 pagi kerana komplikasi jantung, paru-paru dan buah pinggang.

Allahyarham berusia 81 tahun.

Anak kedua Allahyarham, Tamrin berkata, semua anggota keluarga terdekat berada di sisi bapanya. Ketika Allahyarham mengembuskan nafas terakhir.

Jenazah Allahyarham kemudiannya dibawa pulang dengan van Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) ke rumahnya di No. 15, Lorong Bukit Pantai 8, Bangsar di sini sebelum dibawa ke Masjid Negara.

Jenazah Allahyarham tiba di Masjid Ne-

Allahyarham merupakan pemimpin negara yang keempat disemadikan di kawasan kubah Makam Pahlawan

gara pada pukul 2.10 petang dengan disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sejurus tiba, keranda jenazah yang bersaiz Jalur Gemilang dan diusung 10 pegawai tentera dan polis, ditempatkan di tengah dewan syarahan utama Masjid Negara.

Ketibaan jenazah turut diiringi oleh ahli keluarga Ghafar dan bekas isterinya, D. Hervati Abdul Rahim. Hadir sama orang-orang kenamaan terdiri daripada menteri-menteri Kabinet dan ahli-ahli politik.

Sejurus setelah jenazah diletakkan di dewan utama, kelihatan Perdana Menteri membaca doa untuk Allahyarham selepas memanggil ahli keluarga Ghafar turut serta.

Selepas bacaan doa, Abdullah bersalaman dan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga Ghafar.

Tepat pada pukul 2.30, Menteri Kewangan awam yang berkumpulan dengan Menteri-menteri Masjid Negara mula berhadapan dengan

memberikan penghormatan terakhir kepada Allahyarham Ghafar.

Ini diikuti oleh golongan pemimpin dan kenamaan termasuk menteri Kabinet, tokoh politik, ahli korporat dan profesional kira-kira sejam kemudian.

Jenazah Allahyarham kemudiannya dibawa ke dewan utama sembahyang, untuk disemahyangkan selepas solat Asar.

Suasana pilu

Upacara sembahyang jenazah itu diketuai oleh Imam Besar Masjid Negara, Datuk Kamaruddin Zakaria.

Suasana pilu semakin terasa sebaik sahaja jenazah Allahyarham diusung ke Makam Pahlawan untuk disemadikan dengan penuh penghormatan negara.

Selepas itu, Menteri Kewangan awam mengumumkan mengenai kematian Allahyarham Ghafar kepada media. Beliau berkata, beliau turut berduka atas meninggalnya Allahyarham Ghafar.

sekutuan, Wan Halim Wan Harun.

Cuaca yang pada mulanya cerah, bertukar mendung pada sebelah petang, diikuti dengan hujan renyai-renyai seolah-olah turut menangi pemergian tokoh yang banyak berjasa itu.

Bacaan talkin dan doa yang mengingatkan manusia tentang kematian dan kebesaran Allah, menambahkan lagi suasana hiba dan sayu di kawasan makam.

Perdana Menteri selepas itu mengetuai majlis menyiram air mawar ke atas pusara Allahyarham Ghafar.

Ini diikuti oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang sebelum itu menziarah jenazah Allahyarham di kediamannya di Bangsar.

Kemudiannya, diikuti oleh anak-anak dan ahli keluarga terdekat Allahyarham.

Majlis penghormatan ke atas Allahyarham Ghafar berakhir kira-kira pukul 5.40 petang.

Pemergian Allahyarham itu menyaksikan pengalihan jenazah ke Makam Pahlawan. Beliau berkata, beliau turut berduka atas meninggalnya Allahyarham Ghafar.